

09 OCT 2001  
Chong-Peruntukan  
SABAH TERIMA RM100 JUTA SEBAGAI PAKEJ RANGSANGAN

KOTA KINABALU, 9 Okt (Bernama) -- Sabah menerima sejumlah RM100 juta daripada pakej rangsangan bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas, menjadikannya penerima terbesar peruntukan di bawah pakej itu, kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur di peringkat akar umbi, kata beliau.

Beliau berkata Kerajaan Negeri sedar akan masalah yang dihadapi oleh masyarakat perniagaan tempatan berhubung kekurangan kemudahan infrastruktur di negeri ini.

"Kerajaan sedar perlunya mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik di lapangan terbang, pelabuhan dan semua tempat lain," kata beliau dalam ucapannya di majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) cawangan Sabah di sini, hari ini.

Chong berkata, tumpuan sekarang kerajaan ialah mewujudkan persekitaran politik yang kondusif dan stabil supaya pelabur mempunyai keyakinan terhadap Sabah.

Chong menasihatkan anggota-anggota MICCI Sabah untuk membentuk perikatan dan sistem perangkaian bersama nama-nama penting di Semenanjung dan Sarawak.

Sebelum itu, pengerusi MICCI cawangan Sabah, Andrew Lo berkata MICCI berharap langkah-langkah akan diambil untuk menaikkan taraf pelbagai kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) termasuk lobi penumpang yang lebih besar, lebih banyak aerobridge, tempat meletakkan kapalterbang dan laluan kapalterbang.

Kemudahan sekarang di lapangan terbang itu tidak lagi dapat menampung pertambahan penumpang, katanya.

"Ia direkabentuk untuk mengendalikan penumpang sebanyak 2.1 juta setiap tahun tetapi angka itu telah meningkat ke 3 juta setahun. Penggunaan kemudahan-kemudahan ini melebihi kapasiti sebanyak 50 peratus," kata Lo.

Dalam sektor pertanian pula, kata Lo, kemudahan infrastruktur di pantai timur tidak selaras dengan pertumbuhan industri minyak sawit.

"Kemudahan pelabuhan dalam menghantar baja dan dan lain adalah terhad," kata beliau lagi.

Adalah diharapkan langkah-langkah akan diambil untuk menaikkan taraf kemudahan-kemudahan ini, kata Lo.

-- BERNAMA

HAK PR